



ASIAN-PACIFIC
CONGRESS on
EVANGELISM
SYDNEY 2027

SIARAN BERITA

Untuk siaran segera

PELANCARAN PADA OGOS 2027: PERHIMPUNAN PENTING BAGI PENGINJILAN DI ASIA-PASIFIK

Kongres Penginjilan Asia-Pasifik akan diadakan pada 24–26 Ogos 2027 di Sydney

Hubungan Media: media@billygraham.org

SYDNEY, 16 Mac 2026 — Dari Australia hingga Afghanistan dan dari Malaysia hingga Mongolia, dalam masa dua tahun, seramai 2,400 pemimpin Kristian dari lebih daripada 50 negara dan wilayah di seluruh Asia dan Pasifik dijangka berkumpul di Sydney untuk *Kongres Penginjilan Asia-Pasifik*. Selama tiga hari dan dalam lebih daripada 10 bahasa, para pastor, penginjil, dan pemimpin pelayanan dari pelbagai peringkat usia akan berhimpun untuk saling dikuatkan, dicabar, dan diperlengkapi supaya dengan berani membawa Injil ke tempat-tempat di mana berbilion orang masih belum mengenal Yesus Kristus.

“Misi Kristus untuk mencari dan menyelamatkan yang hilang mesti menjadi keutamaan utama kita. Keperluan ini tidak pernah lebih mendesak daripada waktu-waktu tidak menentu dan mencabar sekarang, ketika pertumbuhan gereja global semakin perlahan dan ramai tersesat menuju kekekalan tanpa Kristus,” kata Dr. Daniel Ho, pastor kanan pengasas Damansara Utama Methodist Church. “Sekaranglah waktunya bagi gereja untuk bangkit dan memberitakan pengharapan yang hanya terdapat dalam Yesus Kristus!”

Franklin Graham, presiden dan CEO BGEA serta penganjur kongres tersebut berkata, “Ini adalah saat yang menentukan bagi gereja di seluruh Asia dan Pasifik. Kami ingin menyalakan api kudus dalam hati satu lagi generasi orang Kristian yang akan terus membawa obor Injil pengharapan ke setiap pulau terpencil, kota yang sesak, dan kampung pergunungan yang terasing. Ini merupakan satu penghormatan bagi kami untuk berdiri bersama dan menggalakkan para orang percaya di bahagian dunia ini agar mereka dengan berani membawa Berita Baik Yesus Kristus sampai ke hujung bumi.”

MEMBINA ATAS BERLIN DAN KONGRES-KONGRES YANG LALU

Kongres Penginjilan Dunia pertama BGEA telah diadakan di Berlin, Jerman pada tahun 1966. Kongres-kongres penginjilan berikutnya berlangsung di Amsterdam pada tahun 1983, 1986, dan 2000.

Kongres Asia-Pasifik ini menyusul selepas *Kongres Penginjilan Eropah* yang telah berlangsung pada bulan Mei yang lalu di Berlin, Jerman. Lebih daripada 1,000 pemimpin Kristian dari 55 negara di Eropah telah berkumpul untuk memperbaharui komitmen mereka untuk memberitakan Injil tanpa rasa malu. Dengan hati yang berkobar-kobar, ramai peserta mengatakan bahawa mereka tidak sabar untuk pulang ke tempat masing-masing dan berkongsi pengharapan salib dalam komuniti mereka.

Seorang pastor kembali ke Itali dengan tekad untuk memberi penekanan yang lebih besar kepada doa dan jemputan Injil. Dia melakukan hal itu semasa sebuah kem musim panas belia, di mana 40 orang muda menyerahkan hidup mereka kepada Yesus Kristus.

“Penyertaan dalam kongres itu membantu saya memberi fokus yang lebih tajam kepada betapa pentingnya jemputan Injil dan memberi para peserta kem satu cara yang nyata untuk memberikan respons,” kata Revd Danny Pasquale. “Kami juga memberi lebih tumpuan kepada doa, berdoa agar Injil benar-benar memberi kesan kepada kehidupan para peserta kem.”

PETIKAN TAMBAHAN DARIPADA PEMIMPIN GEREJA

- **SINGAPURA | Revd Edmund Chan, pengasas dan mentor kepimpinan Global Alliance of Intentional Disciple-making Churches**

“Pemuridan tanpa penginjilan adalah buta. Penginjilan tanpa pemuridan adalah tempang. Oleh itu, saya sangat teruja dengan *Kongres Penginjilan Asia-Pasifik* yang bakal berlangsung di Sydney, Australia, pada tahun 2027. Keperluan Injil di bahagian dunia ini sangat besar. Sebagai komuniti yang telah ditebus, kita semua boleh memainkan peranan—ada yang menabur, ada yang menyiram, dan ada yang menuai—semuanya demi kemuliaan Tuhan (1 Kor. 3:5-9)!”

- **FILIPINA | Bishop Efraim M. Tendero, duta global World Evangelical Alliance dan pengarah eksekutif Galilean Movement**

“Kami mengiktiraf keperluan mendesak untuk merekrut, memperlengkapi, dan memperkasa orang percaya agar berkongsi Injil di sebuah wilayah yang menempatkan majoriti penduduk dunia dan jumlah terbesar manusia yang masih belum mengenal Kristus. Marilah kita bangkit Bersama menyahut cabaran ini, dengan menggerakkan dan memperkasa satu generasi baharu pekerja tuaian yang serupa dengan Kristus, yang memberitakan Injil dan memuridkan orang lain untuk mentransformasikan rantau Asia-Pasifik bagi Kristus.”

- **LAOS | Rev. Dr. Khamdeng Kounthapanya, Presiden Eksekutif Gereja Evangelikal Laos**

“Asia-Pasifik merupakan tempat tinggal bagi lebih daripada empat bilion orang, iaitu lebih separuh daripada jumlah penduduk dunia, serta mempunyai kepelbagaian agama dan kepercayaan yang paling tinggi. Ia merupakan ladang tuaian bagi kebenaran Injil Yesus Kristus. Kongres Penginjilan Asia-Pasifik akan mengingatkan kita semua tentang keperluan yang mendesak bagi semua orang percaya di seluruh Asia-Pasifik untuk bersatu dalam menghadapi tuaian besar yang akan datang.”

- **KEMBOJA | Revd Heng Cheng, pengerusi Evangelical Fellowship of Cambodia**

“*Kongres Asia-Pasifik* hadir pada waktu yang sangat penting bagi Kemboja dan seluruh rantau ini. Ia bertujuan untuk menginspirasi dan memperlengkapi orang percaya untuk membawa Injil ke dalam komuniti mereka melalui perkataan dan perbuatan. Penginjilan bermula apabila orang lain melihat sukacita kehidupan baharu dalam Kristus terpancar melalui keluarga dan hubungan seharian. Kongres ini mengingatkan kita bahawa perkongsian Injil dan pemuridan adalah dua hal yang tidak dapat dipisahkan, dan memanggil setiap orang percaya untuk menghidupi mesej Yesus dengan semangat dan kesatuan yang diperbaharui.”

- **MONGOLIA | Revd Ugtakhbayar Togoobor, pastor Bright City Christian Church**

“Ketika pintu Mongolia terbuka pada awal 1990-an, hanya ada empat orang Kristian di negara ini. Melalui pemberitaan Injil, sukacita sejati, nilai kehidupan dan kasih Allah telah tersebar ke seluruh Mongolia. Api bagi Injil sedang dinyalakan dalam generasi yang seterusnya, dan saya percaya kongres ini akan menjadi bahan bakar yang menyalakan semangat dan kerinduan yang berkekalan untuk penginjilan bukan sahaja di Mongolia, tetapi di seluruh Asia-Pasifik. Sekaranglah waktunya untuk kita berkumpul dan berdoa agar Tuhan mengutus pekerja-pekerja ke ladang tuaian di Asia dan Pasifik.”

- **INDONESIA | Revd Charles Jonan, ketua Market Place Division Gereja Bethel**

“Yesus berkata dalam Yohanes 4:35, ‘Bukankah kamu mengatakan: Empat bulan lagi tibalah musim menuai? Tetapi Aku berkata kepadamu: Lihatlah sekelilingmu dan pandanglah ladang-ladang yang sudah menguning dan matang untuk dituai.’” Marilah kita berkumpul bersama, menyatukan hati dan usaha kita untuk mengumpulkan tuaian rohani yang besar di Asia-Pasifik. Sesungguhnya tuaian memang banyak tetapi pekerjanya sedikit.”

- **NEW ZEALAND | Dr. Robert Siakimotu, penginjil Open Air Campaigners dan pengasas bersama Polynesian Ministries**

“Sudah terlalu lama waktu berlalu tanpa pengiktirafan yang sewajarnya terhadap pelayanan penginjil dan penginjilan di rantau Asia-Pasifik. Sebagai seorang

penginjil yang berpangkalan di New Zealand dan melayani di seluruh Pasifik Selatan, saya percaya *Kongres Penginjilan* ini akan menguatkan dan menggerakkan para penginjil serta gereja untuk memberitakan Injil dengan berani, dan mempersiapkan lebih ramai orang Kristian untuk berkongsi Injil dengan efektif di bahagian dunia kita.”

- **KOREA SELATAN | Dr. Billy Kim, pengerusi Far East Broadcasting Company Korea dan jurubahasa untuk Kebaktian Kebangunan Rohani Billy Graham 1973 di Seoul**

“Pada hari ini, keperluan bagi penginjilan di Korea dan seluruh Asia-Pasifik lebih mendesak berbanding sebelumnya. Ketika sekularisme semakin meningkat dan kelaparan rohani semakin mendalam, kita dipanggil untuk memberitakan Injil dengan keberanian, belas kasihan, dan kerendahan hati. Saya secara khusus ingin menggalakkan para pastor muda supaya memandang ke hadapan dengan penuh semangat dan iman. Semoga perhimpunan ini akan menjadi pemangkin yang kuat untuk kebangunan rohani, kesatuan, dan semangat yang diperbaharui untuk melaksanakan Amanat Agung!”

- **HONG KONG | Revd Eric Tong, presiden Baptist Convention of Hong Kong**

“Tuhan sedang menggerakkan sesuatu yang besar di seluruh Asia-Pasifik, dan *Kongres Penginjilan* yang bakal berlangsung ini adalah respons ilahi bagi saat ini. Perhimpunan ini lebih daripada sekadar satu acara—ia adalah satu gerakan strategik untuk menyatukan para orang percaya, memperbaharui iman kita, dan memperlengkapi generasi pemimpin baharu untuk memberitakan Nama Yesus Kristus dengan berani. Satu gelombang kebangunan rohani yang baharu sedang datang, dan kongres ini akan menjadi pemangkinnya. ‘Lihatlah, Aku melakukan sesuatu yang baharu; sekarang perkara itu muncul, tidakkah kamu menyedarinya?’ (Yesaya 43:19).”

- **VIETNAM | Revd Ho Tan Khoa, presiden Vietnam Evangelical Alliance**

“Gereja di Vietnam telah diperlengkapkan untuk memberitakan Injil melalui pelbagai pelayanan penginjilan yang telah diadakan secara bebas di banyak bandar di seluruh negara dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Kongres yang akan datang ini akan menjadi suatu sukacita yang besar. Ia akan terus memperlengkapkan gereja dan mengingatkan semua orang percaya di seluruh Asia-Pasifik untuk tidak malu akan Injil Yesus Kristus.”

- **THAILAND | Dr. Veraded Jitsakdanont, pengerusi Jawatankuasa Penginjilan Thailand dan Jawatankuasa Penyelaras Gereja-Gereja Protestan Thailand**

“Ketika Gereja di Thailand sedang dalam proses melaksanakan pelan nasional yang bersatu untuk menjangkau negara kami dengan kebenaran kasih Allah, saya sangat bersukacita mengetahui bahawa Billy Graham Evangelistic Association akan mengadakan *Kongres Penginjilan Asia-Pasifik* untuk menekankan betapa mendesaknya pemberitaan Berita Baik, bukan sahaja di Thailand, tetapi di seluruh Asia dan Pasifik. Ini akan menjadi satu perhimpunan penting bagi Asia untuk memperlihatkan kesatuan Gereja dan kesatuan panggilan kita untuk ‘Pergilah ke serata dunia dan sebarkan Injil kepada setiap insan’ (Markus 16:15).”

- **JEPUN | Revd Yoshikazu Takada, pastor kanan Church of Christ New Zealand Nippon Osaka Church dan pengerusi Japan Mission Center**

“Sudah tiba masanya bagi selubung itu disingkapkan. Terdapat 125 juta orang tinggal di Jepun dengan pelbagai objek penyembahan. Tuhan yang benar dan jalan kepada kehidupan kekal telah terselindung daripada orang Jepun selama ratusan tahun. Tetapi dalam Yohanes 14:6, Yesus berkata, ‘Akulah jalan, kebenaran, dan hidup. Tidak ada seorang pun yang datang kepada Bapa kecuali melalui Aku.’ Apabila Firman Allah diberitakan dengan kuasa Roh Kudus, selubung itu akan disingkapkan dan kemuliaan-Nya akan dinyatakan. Saya berdoa agar kebenaran ini turun seperti hujan berkat Allah ke atas Jepun dan seluruh Asia-Pasifik. Kami mempersiapkan diri dan menanti saat ini dengan penuh pengharapan.”

TAMAT

CATATAN UNTUK PARA EDITOR

PELUANG MEDIA

- Kit media dengan foto dan video: Media.BillyGraham.org/Asian-Pacific-Congress-on-Evangelism.
- Para wartawan dialu-alukan untuk mendaftar menghadiri kongres yang akan berlangsung di International Convention Centre Sydney (ICC Sydney), 14 Darling Drive, Sydney NSW 2000.
- Tiada yuran untuk para wartawan yang mendaftar atau menghadiri sesi, dan makanan semasa kongres juga disediakan.
- Untuk RSVP atau maklumat lanjut, sila hubungi media@billygraham.org.

SEJARAH PENGINJILAN BGEA DI ASIA-PASIFIK

Diasaskan oleh Billy Graham pada tahun 1950, Billy Graham Evangelistic Association (BGEA) memberitakan Berita Baik Yesus Kristus ke seluruh dunia. Billy Graham mempunyai kasih dan penghargaan yang mendalam terhadap rantau Asia-Pasifik, di mana beliau telah berkongsi Injil kepada lebih daripada 13 juta orang melalui 35 Kempen Penginjilan. Pelayanan bersejarahnya di Seoul, Korea, pada tahun 1973 dihadiri oleh lebih 3 juta orang, yang merupakan perhimpunan terbesar dalam sejarah pelayanan beliau. Apabila beliau datang ke Sydney, Australia, pada 1959, hampir 60,000 orang membuat keputusan untuk menerima Kristus.

Anaknya, Franklin Graham, telah berkhotbah di rantau Asia-Pasifik sebanyak 41 kali sepanjang 33 tahun yang lalu. Baru-baru ini, Revd Graham telah dijemput untuk berkhotbah di Vietnam dan Laos, di mana ribuan orang telah memberi respons kepada Injil. Graham juga dijadualkan berkhotbah di Siem Reap, Kemboja pada tahun 2026, dan di Hanoi, Vietnam pada tahun 2027.

Anak kepada Franklin Graham, Will Graham, juga mempunyai kerinduan yang besar terhadap rantau ini. Beliau telah mengadakan lebih daripada 30 acara penginjilan di negara dan wilayah Asia-Pasifik, dan akan berkhotbah di Jepun dan Korea pada tahun 2026.

TENTANG BILLY GRAHAM EVANGELISTIC ASSOCIATION

Diasaskan oleh Billy Graham pada tahun 1950, Billy Graham Evangelistic Association (BGEA) memberitakan Berita Baik tentang Yesus Kristus ke seluruh dunia. Dari ibu pejabatnya di Charlotte, North Carolina, BGEA mengendalikan pelbagai pelayanan domestik dan antarabangsa, termasuk: kebaktian penginjilan berskala besar oleh Franklin Graham dan Will Graham; Billy Graham Library; Talian Doa Billy Graham 24/7; Billy Graham Training Center di The Cove, di Asheville, North Carolina; serta pelayanan menerusi media cetak, televisyen, telefon, radio, dan internet.

Kapelan yang dilatih untuk krisis daripada Billy Graham Rapid Response Team telah dihantar lebih daripada 40 kali ke negara-negara di rantau Asia-Pasifik untuk memberi sokongan emosional dan rohani kepada mereka yang menderita akibat bencana, seperti gempa bumi Sendai di Jepun pada tahun 2011, taufan di Cebu, Filipina pada tahun 2014, dan tragedi rempuhan pada sambutan Halloween di Seoul, Korea pada tahun 2022. Projek penginjilan internet BGEA, SearchForJesus.net, telah menjangkau lebih daripada 100 juta orang di seluruh dunia dan terus berhubung dengan ratusan ribu orang di rantau Asia-Pasifik setiap tahun. Untuk maklumat lanjut, sila layari billygraham.org.